

KEFAHAMAN TERHADAP KONSEP PENGHAYATAN ISLAM DALAM KELUARGA MUSLIM DI MALAYSIA

NORAINI MOHAMAD, SITI RASHIDAH ABD RAZAK, SITI ZALEHA IBRAHIM
Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor
(UIS)

AHMAD FITRI ASMAD

Pelajar Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
norainimohamad@kuis.edu.my. 0199437458, sitirashidah@kuis.edu.my. 0192827304,
sitizaleha@kuis.edu.my. 0179084347, 0193348362

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai kefahaman konsep penghayatan Islam dalam keluarga muslim di Malaysia. Kajian ini timbul rentetan pelbagai isu yang berlaku dalam keluarga Islam khususnya yang melibatkan pelanggaran terhadap tuntutan syariat yang sepatutnya difahami dan diamalkan oleh masyarakat Islam. Namun disebabkan kurangnya kefahaman terhadap penghayatan Islam dalam keluarga Muslim menyebabkan pelbagai kepincangan berlaku dalam keluarga. Justeru objektif kajian ini adalah mengkaji kefahaman penghayatan Islam dalam keluarga muslim di Malaysia mengenai konsep penghayatan Islam yang sebenar. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil sampel kajian daripada tiga keluarga muslim di Malaysia. Pemilihan sampel adalah berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu keluarga yang mendapat anugerah tokoh serta berpengaruh dalam masyarakat. Pengumpulan data adalah melalui protokol temu bual separa berstruktur dan data temu bual dianalisis secara analisis tematik. Berdasarkan dapatan kajian, kefahaman penghayatan Islam dalam keluarga muslim telah menepati kriteria konsep penghayatan Islam yang sebenar. Justeru dapatan-dapatan ini sebenarnya boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam masyarakat bagi merealisasikan konsep penghayatan Islam dalam keluarga muslim. Kajian ini boleh memberi sumbangan yang besar dalam pembentukan keluarga muslim jika ia dijadikan sebagai garis panduan serta dimasukkan dalam modul-modul kursus pembangunan keluarga Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Kefahaman, konsep, penghayatan Islam, keluarga muslim, Malaysia

PENDAHULUAN

Kajian ini membincangkan mengenai kefahaman konsep penghayatan Islam dalam keluarga muslim di Malaysia. Ia rentetan pelbagai isu yang berlaku dalam keluarga Islam khususnya yang melibatkan pelanggaran terhadap tuntutan syariat yang sepatutnya difahami dan diamalkan oleh masyarakat Islam. Namun disebabkan kurangnya kefahaman terhadap penghayatan Islam dalam keluarga Muslim menyebabkan pelbagai kepincangan berlaku dalam keluarga. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji kefahaman masyarakat Islam berkaitan dengan konsep penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Bagi memenuhi kehendak kajian, beberapa sub topik telah dibincangkan dalam penulisan ini mewakili permasalahan kajian, metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan serta rumusan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian menunjukkan anak-anak dalam kalangan ibu bapa yang tidak mengamalkan ajaran agama lebih terdorong melibatkan diri dalam gejala sosial seperti mengambil dadah dan meminum arak jika dibandingkan dengan anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang mengamalkan ajaran agama (Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari, 2016). Seorang yang mempunyai akidah yang rosak mampu membawa kepada kesyirikan dan gugur iman (Nor Jefri et. al, 2019).

Pengabaian nilai akhlak dan adab turut memberi kesan yang negatif kepada individu Muslim. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Norullisza Khosim et. al (2017), kemajuan di Barat dalam teknologi dan bidang-bidang lain tidak menjanjikan kemajuan dalam pembentukan masyarakat yang bernilai tinggi, kerana masalah sosial yang berlaku adalah sangat membimbangkan. Hal ini adalah disebabkan hilangnya nilai, akhlak dan adab dalam kehidupan seharian mereka.

Menurut Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah (2019), isu keruntuhan akhlak pelajar merupakan suatu ancaman besar bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara kerana remaja merupakan aset kekayaan semula jadi negara dan bakal memainkan peranan yang begitu besar dan sangat penting dalam mencorakkan masa hadapan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di Malaysia.

Selain itu, Che Zarrina Sa'ari et. al (2019) juga menyatakan, peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak amat penting bagi membentuk personaliti anak-anak dari sudut spiritual, mental dan perilaku remaja sama ada menjurus kepada pembentukan jati diri positif ataupun negatif. Pendidikan yang diberikan kepada anak-anak perlu meliputi segenap aspek sama ada akhlak, pergaulan, ilmu pengetahuan serta perlu mempunyai sifat malu apabila melakukan kesalahan. Remaja yang dididik dengan sifat tersebut akan menjadi dewasa dengan kesempurnaan akal.

Justeru keperluan elemen agama sebagai intervensi juga telah diperakui oleh badan professional seperti American Psychology Association (APA) dan American Counseling Association yang mengiktiraf dan mengakui bahawa agama merupakan satu elemen yang memberi sumbangan kepada perkembangan dan kefungsi manusia (Abdul Rashid Abdul Aziz, 2020).

Berdasarkan permasalahan yang timbul dalam masyarakat membuktikan bahawa perlunya kepada penghayatan nilai agama dalam sesebuah keluarga sebagai solusi kepada isu yang berlaku. Justeru kajian ini telah memfokuskan kepada konsep penghayatan Islam dalam keluarga muslim khususnya yang melibatkan penerapan akidah yang benar, pengamalan ibadah yang sempurna dan pembentukan akhlak yang mahmudah secara berterusan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk etnografi berdasarkan pengumpulan melalui protokol temu bual. Tiga keluarga telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Tiga keluarga yang dipilih berdasarkan beberapa kriteria iaitu yang mempunyai latar belakang agama yang kukuh, pernah mendapat anugerah tokoh atau keluarga mithali di samping boleh menjadi ikon kepada masyarakat. Data temu bual telah dianalisis secara bertema dengan kaedah penentuan kategori, tema dan sub tema.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian terhadap kefahaman konsep penghayatan Islam dalam keluarga Muslim telah mengeluarkan beberapa tema dan sub tema yang telah dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Pengumpulan data terhadap dapatan dalam sub topik ini adalah melalui kaedah temu bual dan dokumen. Berikut dihuraikan dapatan kajian terhadap kefahaman konsep penghayatan Islam dalam institusi keluarga muslim.

Melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan

Melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan adalah dengan mengetahui ajaran Islam berpaksikan kepada konsep memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar bertujuan mendapat keredaan Allah SWT. Sebagaimana kenyataan PK1, katanya: *“konsep penghayatan Islam dalam keluarga adalah satu keluarga yang mana mereka berusaha untuk melaksanakan Islam dalam kehidupan dengan cara mengetahui, memahami dan juga mengamalkan ajaran Islam dalam setiap gerak geri dan tindak tanduk mereka untuk mencari keredhaan Allah SWT.”* Kenyataan ini juga turut disokong oleh PK2, katanya: *“ayah saya ajar dalam bentuk membaca al Quran, bukan sekadar baca tapi bila kita baca ni, kita faham, ia akan menambahkan kekuatan kita dan hubungan kita dengan Allah.”* Menurut Nurhanisah dan Raihanah (2016), kewujudan manusia khususnya dalam aspek struktur kekeluargaan memerlukan penerapan ajaran Islam. Ini kerana hakikat untuk mencapai kebahagiaan rumah tangga memerlukan tiga komponen utama: jiwa yang tenang (sakinah), kasih sayang (mawaddah), dan cinta (rahmah). Sejalan dengan pandangan Siti Aishah & Sidar (2016) menyatakan pentingnya pendidikan agama ke arah pembentukan sahsiah dan akhlak yang sempurna dalam kalangan anak-anak remaja.

Didikan ibu bapa dengan cara hidup Islam

Penghayatan Islam perlu bermula dengan penerapan amalan sunnah dalam kehidupan bermula seawal mencari pasangan lagi. Ia perlu diteruskan dalam kehidupan berkeluarga, ketika mengandung dan melahirkan anak. PK1 menegaskan yang demikian: *“sebelum mengandung iaitu dengan pemilihan pasangan, tetapi bila anak dilahirkan, kalimah pertama yang perlu didengari oleh anak adalah azan, kemudian kita amalkan sunnah-sunnah nabi seperti tahnik atau belah mulut dengan tamar diantara ciri-ciri untuk menanamkan rukun iman.”* Seterusnya pengamalan solat berjemaah merupakan satu elemen utama dalam pembentukan keluarga muslim, selain turut sentiasa memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan zikir. Sebagaimana kenyataan PK2: *“walaupun dia tak boleh bercakap pun kanak-kanak ni; biasanya kita tidurkan anak pun kita akan baca dan zikir.”* Sewajarnya setiap muslim digalakkan untuk mempelajari dan menambahkan ilmu agama untuk menyempurnakan solat fardu iaitu dengan memperbaiki bacaan ketika solat dan menunaikan setiap rukun utama di dalam solat iaitu rukun qauli, fi’li, qalbi dan maknawi dengan betul (Siti Samihah et.al, 2020).

Ibu bapa sebagai contoh tauladan yang baik

Ibu bapa perlu menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak. Antara praktiknya ialah dengan meletakkan anak-anak sewaktu bayi bersebelahan katika ibu bapa menunaikan solat berjemaah. Ikutan yang baik juga boleh dilakukan dengan ibu bapa menggunakan perkataan yang baik ketika berkomunikasi. Sebagaimana kenyataan data temu bual PK2: *“biasanya daripada kecik ni kalau kami solat berjemaah kami suka letak bayi depan kami.”* Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Jamiah Manap & Sidek Baba (2016), ibu bapa perlu membentuk keluarga berdasarkan kepada kerangka berikut iaitu menjaga hubungan dengan Allah, menjaga hubungan dengan anak-anak dan menjaga hubungan dengan orang sekeliling.

Terapkan amalan yang baik dalam keluarga

Penghayatan Islam juga perlu bermula dengan penerapan ibadah solat, puasa, sedekah dan amalan-amalan baik yang lain. Sebagaimana kenyataan PK1: *“biasanya kita akan sentiasa sebut akan ingatkan, sedangkan nabi saw telah menyuruh kita supaya menyuruh anak untuk solat ketika umur 7 tahun...”* Perkara ini juga turut disokong oleh PK2, katanya: *“Bila kita lahir daripada keluarga Muslim ni, didikannya daripada kecil lagi kita dah nampak dah. Saya suka jugak tanya pada ibu bapa saya, waktu saya lahir tu, apa yang Ayah suka buat? jadi benda yang asas lah, kita azankan, kita cari nama yang baik. Kebiasaan ayah saya, dia suka minta nama daripada kedua orang tua dia.”* Ibu bapa perlu menitikberatkan tiga pendekatan utama dalam Islam iaitu penerapan akidah, pelaksanaan ibadah dan pembentukan akhlak dalam membangunkan kerohanian anak-anak remaja (Salasih Hanin Hamjah et. al, 2020). Ia menepati dengan prinsip kekeluargaan yang ada di dalam al-Quran yang menyentuh aspek nilai iman, amanah, ‘adalah, syura, sabar, ihsan, iffah, ta’awun, takaful, mawaddah dan rahmah (Norullisza et. al, 2017).

Mendidik dengan menggunakan komunikasi dua hala

Antara cara yang digunakan dalam penghayatan Islam juga adalah dengan menerapkan konsep komunikasi dua hala iaitu tanya dan jawab. Anak-anak akan sentiasa bertanya tentang arahan dan peraturan yang ditetapkan ke atas mereka. Justeru sebagai ibu bapa menjadi tanggungjawab mereka untuk menjawab pertanyaan anak-anak dengan cara yang baik supaya matlamat ajaran Islam itu tercapai. Sebagaimana kenyataan PK2: *“nanti dia akan tanya dekat kita kalau dia dah boleh bercakap dia akan tanya; ni puasa apa? Kalau ni puasa sunat kita akan bagitahu ni puasa sunat; untuk apa sunat?, jadi komunikasi dua hala ni sebenarnya mendidik diri dia, itu pada pandangan saya lah.”* Peranan komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak memainkan peranan penting terutama dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan. Penyampaian maklumat yang tepat akan menghasilkan kefahaman yang jelas pada anak-anak sekali gus menjadikan tujuan komunikasi akan lebih berkesan dan berjaya (Noraini, Safinah & Nazneen, 2019).

Memberi kefahaman bukan memaksa

Berdasarkan dapatan, kajian mendapati ibu bapa tidak menggunakan kekerasan dalam mendidik. Sebagai contoh ibu bapa tidak memaksa anak-anak untuk melakukan ibadah sewaktu di awal arahan. Caranya adalah dengan mendidik anak-anak sejak dari awal sehingga apabila dewasa mereka telah terbiasa melakukan amalan-amalan yang baik. Ibu bapa perlu memberi kefahaman yang jelas kepada anak-anak tentang ibadah, peraturan dan sebagainya. Sebagaimana kenyataan PK2: *“bila nak mendidik ni kita tak boleh terus paksa, sebab kita nak penerapan nilai tu yang penting, bukan kita buat dalam bentuk paksaan, kita paksa-paksa takut dia buat tapi dia tak rasa, tapi ayah saya kata, kita ajar dalam bentuk; fahamkan dia dulu.”* Nilai keibubapaan yang boleh diambil untuk teladan anak-anak ialah hendaklah sopan dalam berbicara dan tidak berlebihan dalam bertutur. Selain itu, ibu bapa harus menegaskan kepada anak-anak etika berbicara iaitu tidak merendahkan sesiapa yang diajak bicara atau bertukar fikiran (Safinah, Rosmawati & Zulkefli Aini, 2019).

Penerapan konsep Islam melalui pengamalan

Penerapan penghayatan Islam juga perlu melalui amalan yang dilakukan oleh ibu bapa. Anak-anak akan melihat karakter yang ditunjukkan oleh ibu bapa. Dapatan temu bual menunjukkan, ibu bapa ini telah menerapkan penghayatan Islam melalui contoh yang baik, banyakan bercerita supaya anak-anak lebih mudah faham. PK1 menyatakan: *“kadang-kadang dengan kita bercerita, kita bercerita kisah susu di zaman Saidina Umar, kisah mak dengan anak dia tu, jadi kita cuba tanya apa pengajaran yang boleh kita ambil daripada tu.”* Begitu juga kenyataan PK2: *“Abah suka cerita tentang kesusahan supaya macam mana kita nak taqarrub kepada Allah tu penting, maksudnya dekatkan diri kita kepada Allah.”* Bersesuaian dengan penulisan sebelum ini mengatakan, akidah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk insan yang sempurna, sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang aman dan sejahtera (Nor Jefri et. al, 2019).

Mengamalkan proses penyucian hati (*tazkiyat al-nafs*)

Konsep penyucian hati merupakan salah satu elemen penghayatan Islam yang perlu diterapkan dalam keluarga muslim. Berdasarkan dapatan kajian, antara kaedah yang dilakukan oleh ibu bapa adalah dengan membersihkan diri daripada sifat-sifat mazmumah dan menyuburkan sifat-sifat mahmudah. Anak-anak perlu diberi pengetahuan tentang bahaya sifat-sifat mazmumah apabila ia berada di dalam diri manusia. Selain itu, sebuah keluarga muslim juga perlu berada dalam suasana yang baik dan bermuamalah dengan persekitaran yang boleh memberi input yang positif. Antara yang dinyatakan oleh peserta kajian ialah setiap keluarga muslim perlu menghadiri majlis-majlis ilmu yang boleh meningkatkan keimanan kita kepada Allah, di samping menjaga percakapan, mengelakkan sikap sombong serta sentiasa bergaul dengan orang-orang soleh yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sebagaimana kenyataan oleh PK1: *“biasanya saya akan cakap bila dia buat silap, nak minta dia berterus terang dan sebagainya, satu lagi ada Malaikat, kalau bercakap benar macam ni, kalau bercakap bohong macam ni, Malaikat Raqib dan Atid, jadi dengan sendirinya kita ajar.”* Begitu juga kenyataan PK2: *“sebenarnya dari kecik pun abah suka bawak kami ke masjid, kebetulan Abah ni pensyarah jugak dan bila petang dia mengajar di masjid dan biasanya kami anak-anak ni ramai, jadi macam itik lah kami ikut ke masjid.”* Sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali bahawa solat dapat memberikan ketenteraman jiwa, lantaran solat adalah dilengkapi dengan *al-himmah* (penumpuan), *al-tafahum* (pemahaman), *al-ta'zim* (pengagungan), *al-haibah* (kehebatan), *al-raja'* (harap) dan *al-haya'* (malu) (Abdul Rashid Abdul Aziz et al, 2020).

Berada dalam persekitaran yang baik (Biah Solehah)

Berada dalam persekitaran dan susasana yang baik merupakan salah satu elemen penting yang perlu dititik beratkan. Persekitaran yang baik perlu bermula dengan kawan yang soleh dan mengajak kepada kebaikan. Sentiasa mendengar kebaikan juga merupakan unsur persekitaran yang bai. Justeru sebagai keluarga muslim, ibu bapa perlu bertanggungjawab mengajarkan ilmu dan peringatan jika mereka mampu. Jika tidak mampu ketua keluarga perlu mendapatkan sumber ilmu untuk mengajarkan kepada anak-anak dan isteri supaya keluarga sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan solehah. Sentiasa mendengar peringatan dan nasihat yang baik.

Sebagaimana kenyataan PK1, katanya: “*untuk memastikan solat fardu ni sempurna kita sentiasa ingatkan lah waktu solat terutama bila azan pasti akan ingatkan, jom kita nak solat pukul berapa, ingatkan kalau masing-masing ada kerja ni kita teruskan nak solat pukul berapa petang ni pukul 10 minit solat teringatkan masing-masing cuba tapi kalau tak dapat tak apa kita lah peranan ibu bapalah mengejutkan.*” Begitu juga kenyataan PK2: “*dia didik kita dari kecil tu biasakan ke masjid, walaupun kami ni anak perempuan, tapi abah memang bawak.*” Selain itu, berada dalam persekitaran yang baik amat perlu kerana ia boleh memberi peringatan jika seseorang melakukan perkara yang dilarang. Sebagaimana kenyataan PK1 ada menyatakan, jika kita melakukan kesalahan, akan timbul rasa tidak selesa dan tidak tenteram dengan perkara yang tidak elok.

M. Burhanuddin (2018) pula menyatakan bahawa keibubapaan Islam merangkumi proses untuk mendidik anak-anak dalam tiga peringkat: pertama, fasa pra-konsep, di mana pendidikan bermula apabila seseorang itu memilih pasangan hidupnya dan berterusan sehingga persenyawaan berlaku dalam rahim Ibu. Kedua, terdapat tempoh sebelum bersalin, yang merangkumi arahan ibu bapa semasa anak masih dalam kandungan. Ketiga, tempoh selepas bersalin, di mana pendidikan diberikan sejak bayi hingga dewasa dan juga kematian, dikenali sebagai pendidikan sepanjang hayat. Pendidikan agama ditekankan dalam keibubapaan Islam sebagai asas untuk anak-anak menghadapi dunia.

PENUTUP

Hasil kajian telah menunjukkan kefahaman peserta kajian terhadap konsep penghayatan Islam dalam keluarga muslim telah selari dengan apa yang digariskan dalam Islam. Ia berdasarkan kefahaman tentang perlunya melaksanakan ajaran Islam sejak dari awal, didikan ibu bapa dengan cara hidup Islam, ibu bapa sebagai contoh tauladan yang baik, terapkan amalan yang baik dalam keluarga, mendidik dengan menggunakan komunikasi dua hala, memberi kefahaman bukan memaksa, penerapan konsep Islam melalui pengamalan, mengamalkan proses penyucian hati (*tazkiyat al-nafs*) dan sentiasa berada dalam persekitaran yang baik (Biah Solehah).

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin al Haadi Shafie, Zuraina Ali & Noor Dahiah Sulhana Dzainal. 2020. Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Volume5, Issue 12, December 2020. e-ISSN : 2504-8562.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. 2019. Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari* 11 (1) (2019) 1-17. ejournals.ukm.my/jhadhari. ISSN 1985-6830 eISSN 2550-2271.
- M. Burhanuddin Ubaidillah. 2018. Pendidikan Islamic Parenting Dalam Hadith Perintah Salat. *Jurnal Darussalam; Jurnal Pendidikan, Komunikasi dan Pemikiran Hukum Islam*. Vol. X, No 2: 349-362. April 2019. ISSN: 1978-4767 (Cetak), ISSN: 2549-4171 (Online) Terakreditasi Nasional. SK. No.21/E/KPT/2018.
- Jamiah Manap & Sidek Baba. 2016. Al-Ghazali's Parenting Skills Attributes Model (Model Atribut Kemahiran Keibubapaan al-Ghazali). *Jurnal Hadhari* 8 (1) (2016) 113-131. ejournals.ukm.my/jhadhari.

- Nor Jefri, Nurul Izzaty, Shaharin, Nuraisyah Syakirin, Jasmi & Kamarul Azmi. 2019. Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam. Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 157-176.
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail. 2019. Peranan Komunikasi Ibu Bapa Terhadap Proses Bimbingan dan Penyampaian Maklumat Kepada Anak-anak. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. 24-25 April 2019 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor . eISBN: 978-967-2122-71-5.
- Norullisza binti Khosim, Nur Saadah Hamisan@Khair, Abdulloh Salaeh & Ahmad Luqman Ayob. 2017. Nilai-Nilai Kekeluargaan dan Kepentingannya Menurut Perspektif Al-Quran. <https://www.researchgate.net/publication/326293699>.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari. 2016. Penghayatan Islam dan Hubungannya Dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. Jurnal Syariah, Jil. 24, Bil. 3 (2016) 393-422.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohammad Rasit & Zulkefli Aini. 2019. Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 6 Bil 1 (2019).
- Salasiah Hanin Hamjah, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Zaizul Ab. Rahman & Rosmawati Mohamad Rasit. 2020. Applying Spiritual Aspect Of Parenting Skills To Adolescents In The Family. Afkar Vol. 22 Issue 2 (2020): 313-346
- Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Siti Sarah Ahmad & Faizuri Abd Latif. Model Pendidikan Keibubapaan Abdullah Nasih Ulwan (MPIU) dalam Menangani Isu Remaja Lari dari Rumah. Jurnal Usuluddin 47 (Khas) 2019: 73-103. DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.4>
- Siti Aishah Yahya & Sidar Binti Nasrun. 2016. Tahap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. Jurnal Sains Sosial, Malaysian, Journal of Social Science, Vol.1 No.1, Jilid 1 2016: 17-35
- Siti Samihah Mohd Yusoff, Noornajihan Ja'afar, Muhammad Hafiz Saleh & Ismail Abdullah. 2020. Pelaksanaan Amalan Ibadah Bagi Masyarakat Islam Semasa Menghadapi Pandemik COVID-19. E-Proceeding : Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020).